

NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dibawah SSPK dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan, bertaraf Bumiputera dan masih sah serta beralamat seperti yang dinyatakan berikut :-

Bil.	Tajuk Kerja	Pendaftaran dan Taraf	Bidang Kepala Dan Sub-Kepala	Harga Dokumen
1	<p>CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH KE ATAS 20 UNIT RUMAH KEDIAMAN MENGANDUNGI 10 UNIT TERES 2 TINGKAT (VERONA & ENDORA) DAN 10 UNIT TERES 1 TINGKAT (KORINNA & LUCIDA) DI TAMAN ALAM PERDANA, BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</p> <p>No. SH : PNSB-sh1/2018</p>	<p style="text-align: center;">CIDB & Bumiputera</p> <p>(Beralamat dalam Daerah Kuala Selangor, Petaling dan Klang sahaja)</p>	<p>Gred : G1</p> <p>Kategori : B</p> <p>Pengkhususan : B03 atau B04</p>	RM 53.00

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah **DiWajibkan**. Hanya Pemborong yang hadir lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga. Lawatan tapak akan dijadualkan pada :-

Tarikh : 24 Januari 2018 (Rabu)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Berkumpul di Pejabat PNSB (Unit 55, Jalan AP 1C/10) Taman Alam Perdana

BAYARAN

Bayaran untuk Dokumen Sebutharga adalah secara **Tunai / Bank Deraf yang dibuat atas nama Permodalan Negeri Selangor Berhad**. Harga diatas adalah termasuk GST.

DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen Sebutharga boleh disemak pada waktu pejabat di Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 25, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40675 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan.

Pemborong dikehendaki menunjukkan Perakuan Pendaftaran Asal Sijil CIDB berserta satu salinan photostat semasa memohon tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan. Notis Sebutharga ini juga boleh dilawati di laman web PNSB : <http://www.pnsb.com.my>

Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **08 Februari 2018**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi ; Sr. Baharudin Bin Ismail di talian 03-5510 7105 / 03-5510 7233 / 03-5510 7234 sambungan 403.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 25, Wisma MBSA tidak lewat daripada **08 FEBRUARI 2018 (Khamis) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen Sebutharga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.**